

SELANGOR

ENAKMEN No. 4 tahun 1978

BETA PERKENANKAN,

T. ABDUL AZIZ SHAH,
Sultan Selangor

(MOHOR KERAJAAN)

15hb Januari 1979

Suatu Enakmen bagi meminda Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971.

[1hb Januari 1979.]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti berikut:

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan sebagai Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau (Pindaan) 1978 dan adalah disifatkan sebagai berkuatkuasa pada 1 haribulan Januari 1979. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Seksyen 2, Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971 (selepas ini disebut sebagai "Enakmen ibu") adalah dengan ini dipinda— Pindaan kepada seksyen 2.
 - (a) menggantikan takrif "kawasan pihak berkuasa tempatan" dengan takrif yang baru seperti berikut:

"kawasan pihak berkuasa tempatan" ertinya sesuatu kawasan di dalam Negeri Selangor yang telah diisytiharkan dan diwartakan sebagai

kawasan Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah di bawah peruntukan seksyen 3, Akta Kerajaan Tempatan 1976;

(b) menggantikan takrif “pihak berkuasa tertentu” dengan takrif baru seperti berikut:

“Pihak berkuasa tertentu” ertinya Pegawai Haiwan Negeri, Pegawai Daerah, Pegawai Penjaga Daerah Polis dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah.

Pindaan
kepada
seksyen 4.

3. Seksyen 4 Enakmen ibu adalah dipinda seperti berikut:

(a) potong perkataan “atau” selepas sahaja perkataan-perkataan “yang berkenaan” di dalam seksyen-kecil (2);

(b) masukkan koma selepas sahaja perkataan-perkataan “yang berkenaan” di dalam seksyen-kecil (2);

(c) masukkan perkataan-perkataan “atau Yang Dipertua Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah yang berkenaan” selepas sahaja perkataan-perkataan “Pegawai Haiwan Negeri” dalam seksyen-kecil (2);

(d) masukkan selepas sahaja seksyen-kecil (3) seksyen-seksyen-kecil (4) dan (5) yang baru seperti berikut—

“(4) Pihak berkuasa tertentu boleh mengurung mana-mana lembu-kerbau yang ditangkap di bawah peruntukan-peruntukan seksyen-kecil (1) (a) di tempat yang sesuai dan disimpan di situ atas risiko pemunya atau orang yang menjaga lembu-kerbau itu dan seterusnya mengurung lembu-kerbau itu sehingga belanja bagi tangkapan, kurungan dan memberi makan lembu-kerbau itu dibayar.”

“(5) Pihak berkuasa tertentu hendaklah memperakui belanja itu kepada pemunya atau orang yang menjaga lembu-kerbau itu dan perakuan pihak berkuasa tertentu itu adalah bukti muktamad mengenai jumlah wang yang kena dibayar itu.”;

(e) menomborkan semula seksyen-seksyen-kecil (4), (5), (6), (7) dan (8) yang ada sebagai seksyen-seksyen-kecil (6), (7), (8), (9) dan (10) seturutnya;

(f) gantikan perkataan-perkataan “seksyen-kecil (7)” bagi “seksyen-kecil (5)” yang terdapat selepas sahaja perkataan-perkataan “tertakluk kepada peruntukan-peruntukan” di dalam seksyen-kecil (4).


4. Seksyen 5 kepada Enakmen ibu adalah dipinda dengan menambah seksyen-kecil (4) baru seperti berikut: Pindaan kepada seksyen 5.

“(4) Pihak berkuasa tertentu boleh mengikut budi-bicaranya menyelesaikan kesalahan-kesalahan di bawah seksyen-seksyen-kecil (1), (2) dan (3) ke peringkat tidak melebihi dua ratus ringgit.”

5. Seksyen 13, Enakmen ibu adalah dipinda dengan menggantikan “Majlis Daerah” dan “Majlis Perbandaran” bagi perkataan-perkataan “Lembaga Bandaran” dan “Majlis Bandaran” seterusnya di dalam butiran (b) seksyen itu. Pindaan kepada seksyen 13.

Diluluskan pada 19hb Disember 1978.
[IPK. Sel. 30051/20; IPK. Sel. Sulit 1824.]

JAMIAN BIN MOHAMAD,
Setiausaha,
Dewan Negeri Selangor



SELANGOR

ENACTMENT No. 4 of 1978

I ASSENT,

(STATE SEAL)

T. ABDUL AZIZ SHAH,
Sultan of Selangor

15th day of January 1979

An Enactment to amend the Control of Cattle Enactment
1971.

[1st January 1979.]

IT IS HEREBY ENACTED by the Legislature of the
State of Selangor as follows:

1. This Enactment may be cited as the Control of Cattle (Amendment) Enactment 1978, and shall be deemed to have come into force on the 1st day of January 1979.

Short title
and com-
mencement.

2. Section 2 of the Control of Cattle Enactment 1971 (hereinafter referred to as "the principal Enactment") is hereby amended—

Amend-
ment of
section 2.

(a) by substituting for the definition of "local authority area" a new definition as follows:

"local authority area" means any area in the State of Selangor which has been declared and gazetted to be a Municipal Council or District Council area under the provision of Section 3 of the Local Government Act 1976;

(b) by substituting for the definition of "Proper Authority" a new definition as follows:

"Proper Authority" means the State Veterinary Officer, the District Officer, the Officer-in-charge of a Police District and the President of a Municipal or District Council.

Amend-
ment of
section 4.

3. Section 4 of the principal Enactment is amended as follows:

(a) delete the word "or" immediately after the word "concerned" in subsection (2);

(b) insert a comma immediately after the word "concerned" in subsection (2);

(c) add the words "or the President of the Municipal Council or District Council concerned" immediately after the words "the State Veterinary Officer" in subsection (2);

(d) add immediately after subsection (3) the following new subsections (4) and (5)—

"(4) The proper authority may impound any cattle seized under the provision of subsection (1) (a) at a suitable place and there to remain at the risk of the owner or the person in charge of the cattle and may impound the same until the expenses of seizure, impounding and feeding of the cattle are paid."

"(5) The proper authority shall certify such expenses to the owner or the person in charge of the cattle and the certificate of the proper authority shall be conclusive proof of the sum due.";

(e) renumber the existing subsections (4), (5), (6), (7) and (8) as subsections (6), (7), (8), (9) and (10);

(f) substitute for the words "subsection (5)" the words "subsection (7)" immediately after the words "subject to the provisions of" in subsection (4).

Amend-
ment of
section 5.

4. The principal Enactment is amended by adding the following new subsection (4) to section 5:

"(4) The proper authority may at its discretion compound any of the offences under subsections (1), (2) and (3) for a sum not exceeding two hundred ringgit."

5. Section 13 of the principal Enactment is amended by substituting "Municipal Council" and "District Council" for the words "Town Board" and "Town Council" respectively in item (b) thereof.

Amend-
ment of
section 13.

Passed this 19th day of December 1978.
[IPK. Sel. 30051/20; IPK. Sel. Sulit 1824.]

JAMIAN BIN MOHAMAD,
*Clerk of the Legislative Assembly,
Selangor*